

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF  
RAWA [ PARIT BUNTAR ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan penjelasan terhadap kelewatan dalam mengeluarkan kenyataan serta sebab-sebab berlakunya perubahan polisi pada saat akhir berkenaan kemasukan mahasiswa ke kampus dan aktiviti perkuliahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran pelajar baharu dan sedia ada ke institut pendidikan tinggi (IPT) bagi Sesi Akademik 2020/2021 telah dirancang pelaksanaannya pada bulan Oktober 2020. Walau bagaimanapun, atas pematuhan kepada Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19 dan nasihat dari Kementerian Kesihatan Malaysia serta Majlis Keselamatan Negara, sesi pendaftaran dan kemasukan pelajar baharu atau sedia ada secara bersemuka telah ditangguhkan. Penangguhan ini mengakibatkan sebahagian daripada proses pendaftaran pelajar baharu perlu dibuat secara dalam talian.

Sebagai langkah untuk menangani isu-isu berbangkit akibat penangguhan tersebut, Kementerian telah memastikan kesiapsiagaan penyelarasan maklumat di peringkat Kementerian dan juga universiti dilaksanakan segera. Bilik Gerakan di peringkat Kementerian telah diaktifkan semula sebagai pusat sehenti untuk membolehkan para pelajar, ibu bapa, warga IPT, atau masyarakat umum mendapatkan

sebarang maklumat berkaitan dengan penangguhan sesi pendaftaran dan kemasukan pelajar baharu atau sedia ada secara bersemuka. Selain itu, semua universiti awam juga telah mengaktifkan talian *hotline* masing-masing bagi memastikan penyaluran maklumat yang tepat dan sahih dapat diselaraskan bagi membantu pelajar, ibu bapa dan juga warga universiti.

Kementerian seterusnya mengambil langkah untuk menyelaras semula jadual tiket perjalanan bagi pelajar yang terkesan oleh penangguhan kemasukan tersebut. Penyelarasannya ini dibuat dengan kerjasama syarikat-syarikat pengangkutan udara dan darat seperti Malaysia Airlines; AirAsia; Malindo Air; FireFly serta pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Melalui kerjasama ini, pihak syarikat penerbangan mahupun pengangkutan darat telah bersetuju memberikan kemudahan untuk pelajar menjadualkan semula pergerakan mereka tanpa dikenakan sebarang implikasi kos tambahan.

Sebagai langkah untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar tidak terjejas dan dapat terus dilaksanakan, pihak pengurusan universiti awam turut menyantuni kebajikan para pelajar yang terkesan di kampus dengan menyediakan bantuan berbentuk pemberian pelan data dan peranti secara percuma atau pada harga tawaran istimewa hasil rundingan bersama syarikat telekomunikasi dan juga syarikat peranti komputer. Selain daripada itu, pengurusan universiti turut menyediakan elauan sara hidup dan bantuan makanan bagi memastikan kebajikan dan sara hidup mereka juga terpelihara.

Sekian, terima kasih.